

# Tugas saya bukan sekadar susun program pengajian kepada pelajar malah berperanan sebagai 'kaunselor' kerana mahu mereka berjaya

– Ahmad Fouzi

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Saleha Haron



SERDANG, 15 Jun — “Tugas saya bukan sekadar menyusun program pengajian kepada pelajar, malah berperanan sebagai bapa penasihat program kerana mahu mereka berjaya,” kata Penolong Pegawai Tadbir Kanan di Bahagian Akademik, Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Fouzi Abd. Tahir, ketika ditemu bual baru-baru ini.

Berpengalaman lebih tiga dekad bersama UPM, Ahmad Fouzi telah mula menabur bakti sejak 11 April 1991 secara rasmi, selepas tujuh tahun berkhidmat secara sambilan sejak era 1980-an.

“Ketika itu antara peranan penting saya antaranya dalam menyusun jadual kuliah dan peperiksaan secara manual, ia adalah satu proses rumit yang kini banyak dipermudahkan dengan sistem digital.

"Saya pernah duduk berminggu-minggu dalam bilik pegawai malah pernah membawa tugas jadual kuliah ke rumah demi memastikan kelancaran jadual peperiksaan universiti bagi lebih 1,000 kursus pada masa itu," katanya.

Selain tugas penjadualan, beliau turut terlibat dalam pengurusan kemasukan pelajar. Sebelum wujudnya sistem Unit Pusat Universiti (UPU), permohonan pelajar adalah secara terus ke universiti.

"Jika dahulu, kita perlu kerja lebih masa termasuk hujung minggu untuk siapkan surat tawaran. Kini dengan modenisasi teknologi sistem dalam talian ia mempercepatkan proses ini," katanya.

Tambah beliau, melalui tugasannya itu beliau secara langsung membina hubungan baik bersama dengan pensyarah-pensyarah ketika itu antaranya mantan Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah, arwah Datuk Prof Dr Radin Umar Sohardi, Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman juga dan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mad Nasir.

"Tugas saya bukan hanya dengan pensyarah sahaja malah dengan orang awam termasuk ibu bapa yang bertanyakan mengenai kerjaya program pengajian anak mereka," katanya.



Beliau turut berkongsi kenangan pernah menjadi 'kaunselor' kepada pelajar yang mengalami krisis akademik termasuk membantu mereka mencari program lebih sesuai hingga berjaya menamatkan pengajian.

"Saya pernah menasihati seorang pelajar yang gagal dalam program asalnya dan saya menasihatkan pelajar tersebut supaya tukar program pengajiannya, beliau tamat belajar dan kini bekhidmat sebagai pegawai di Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Apabila bertemu semula beliau meluahkan rasa terima kasih dan itu sangat menyentuh hati saya serta berasa gembira kerana secara tidak langsung saya dapat membantu beliau mencapai kejayaan," katanya.

Nasihatnya kepada golongan muda mengenai pentingnya mempunyai akademik ini kerana ilmu mematangkan cara berfikir dan membentuk karakter profesional.

"Akademik adalah keperluan asas dan adalah permulaan untuk segala perkara yang ingin diceburi sama ada mahu menjadi influencer, bermiaga atau bekerja dalam apa jua bidang kerana ilmu akan membentuk kematangan dan profesionalisme," katanya.



Anak jati Banting, Selangor ini, yang juga bapa kepada empat cahaya mata, pernah menerima Pingat Pekerja Terpilih (P.P.T.) sempena Hari Keputeraan ke-59 DYMM Sultan Selangor pada tahun 2004.

Di sebalik kesibukan tugas, Ahmad Fouzi tidak melupakan minatnya terhadap sukan hoki. Beliau kini merupakan Pengurus Pasukan Hoki Staf UPM yang telah meraih lapan kali kejuaraan, termasuk kemenangan terkini di Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau juga percaya keikhlasan dan mempermudahkan sesuatu dalam kerja berpasukan adalah penting dalam mengekalkan hubungan harmoni sesama manusia.

"Cubalah untuk menjadi rakan sekerja yang boleh menggembirakan orang lain. Bila tugas dilanjutkan dengan ikhlas ia akan memudahkan segala proses kerja dan kita akan berasa puas kerana berjaya melakukan dengan terbaik," katanya.